



**UCAPAN PERASMIAN  
YAB DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD  
MENTERI BESAR JOHOR**

**SEMPENA**

**PROGRAM *EXECUTIVE TALK*  
PERUNDANGAN PERANCANGAN (AKTA PERANCANGAN BANDAR  
DAN DESA 1976, [AKTA 172]) BERSAMA AHLI MAJLIS PBT  
PERINGKAT NEGERI JOHOR**

**Tarikh : 30 Mac 2020 (Selasa)  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Hotel Fraser Place Puteri Harbour,  
Iskandar Puteri, Johor.**

Terima kasih diucapkan kepada saudara pengacara majlis.

**Yang Berbahagia, *Town Planner (TPr) Geospatialist (Gs) Dr.***

**Shamsaini binti Shamsuddin,**

Ketua Pengarah, PLANMalaysia

Selaku wakil rasmi Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**Yang Berhormat, Dato' Haji Azmi bin Rohani,**

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

**Yang Berhormat, Tuan Haji Ayub bin Jamil,**

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor,**

**Yang Berusaha, *Town Planner (TPr) Dr. Alias bin Rameli,***

Menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) PLANMalaysia.

**Yang Berusaha, *Town Planner (TPr) Saidin bin Lateh,***

Pengarah PLANMalaysia@Johor.

**Yang Berusaha, Encik Mohd. Farid bin Kassim,**  
Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Johor.

**Datuk Bandar-Datuk Bandar/Yang Dipertua-Yang Dipertua,**  
**Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor,**

**Ahli-Ahli Majlis dan Setiausaha-Setiausaha Pihak Berkuasa**  
**Tempatan Negeri Johor,**

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati**  
**sekalian.**

## **MUKADIMAH**

**Bismillahir rahmanir rahim ...**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.

1. Alhamdulillah pertamanya, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberi ruang dan peluang untuk bersama-sama di dalam program

**EXECUTIVE TALK PERUNDANGAN PERANCANGAN  
(AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976,  
[AKTA 172] BERSAMA-SAMA AHLI MAJLIS PBT  
PERINGKAT NEGERI JOHOR.**

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, dunia hari ini sedang dilanda pandemik, dan negara kita tidak terkecuali di mana masih berada di dalam gelombang ketiga wabak COVID-19 sehingga ke hari ini. Melihat kepada situasi semasa, kes-kes jangkitan walaupun dilaporkan berlaku penurunan, namun masih membimbangkan. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah disediakan oleh pihak kerajaan perlulah diamalkan oleh semua lapisan masyarakat dan semua pihak haruslah berganding bahu di dalam usaha memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19 khususnya di dalam Negeri Johor ini. Kehidupan kita pada bulan atau tahun yang mendatang mungkin tidak akan kembali seperti biasa termasuklah di dalam aspek kerja harian kita.
  
3. Kita sedang menjalani kehidupan dengan ***new normal*** atau **norma baharu**. Apa yang biasa kita buat dahulu, tak boleh kita buat lagi. Sebagai contohnya mesyuarat dan perhimpunan, majlis-majlis keramaian (*mass gathering*) hendaklah diadakan dengan kehadiran yang minima dan

waktu yang singkat serta mematuhi SOP yang ditetapkan. Oleh itu, tidak terkecuali penganjuran *executive talk* ini. Selain hadirin yang berada di dewan ini, kita juga turut disertai oleh Datuk-Datuk Bandar/Yang Dipertua-Yang Dipertua bersama barisan Ahli Majlis di kesemua 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang menyertai program secara atas talian. Bagi kehadiran para peserta yang hadir secara fizikal di dewan, pihak urus setia berusaha memastikan susunan dewan mengikut penjarakan fizikal, pengambilan suhu badan dan kaedah pengesahan kehadiran melalui *QR code*. Namun, langkah-langkah pematuhan SOP ini pastinya tidak menghalang pencapaian matlamat penganjuran program kita pada hari ini.

4. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui usaha PLANMalaysia dengan kolaborasi bersama PLANMalaysia Negeri Johor dan Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Johor di atas penganjuran *executive talk* pada hari ini. Saya sedia maklum, program ini bermatlamat untuk memberi sebaran berkaitan perancangan bandar dan perundangannya serta peranan Ahli Majlis dalam memacu pembangunan mampan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor. Selaku ahli Majlis, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan

merupakan tulang belakang kepada Pihak Berkuasa Tempatan di daerah masing-masing.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

5. Perlantikan baharu Ahli Majlis juga turut berlaku seiring dengan perubahan tampuk kepimpinan di peringkat negeri. Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah melantik seramai 207 Ahli Majlis secara berfasa pada 15 April 2020 dan 23 September 2020. (Mohon semakan dengan pihak BKT, SUK Johor).
6. Saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan berkenaan peranan dan tanggungjawab sebenar Ahli Majlis.
  - i. Pertama, Ahli Majlis merupakan sebahagian daripada sistem pentadbiran di peringkat tempatan di mana tindakan Ahli Majlis tidak boleh bercanggah dengan dasar yang diputuskan oleh PBT untuk kepentingan awam. Ahli Majlis juga adalah sebahagian daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan seperti yang dinyatakan di bawah Akta 172 dan Akta 133 mengenai

soal-soal pembangunan fizikal seperti jalan, parit serta pendirian bangunan.

- ii. Kedua, Ahli Majlis adalah penasihat kepada PBT mengikut profesion atau kepakaran masing-masing.
- iii. Ketiga, Ahli Majlis adalah wakil yang menjadi penghubung di antara masyarakat setempat dengan PBT dalam menyalurkan aduan, pandangan dan maklum balas berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh PBT.
- iv. Keempat, Ahli Majlis berperanan untuk bersama-sama membantu dalam menyelesaikan masalah setempat dan menentukan perkhidmatan asas yang disediakan adalah baik dan berkualiti.
- v. Kelima, Ahli Majlis juga, terlibat sebagai penggubal dasar-dasar PBT selari dengan dasar di peringkat Persekutuan dan Negeri yang mampu memenuhi kehendak rakyat.
- vi. Keenam, sebagai pendokong dasar di mana Ahli Majlis adalah sebagai jurucakap bagi PBT untuk memastikan

dasar-dasar PBT difahami dan diterima oleh masyarakat setempat, dan;

vii. Akhir sekali, Ahli Majlis juga bertanggungjawab sebagai penyemak pelaksanaan dasar PBT sama ada tindakan yang dilaksanakan mengikut lunas-lunas yang dibenarkan undang-undang.

7. Dalam erti kata lain, Ahli Majlis diibaratkan sebagai pembawa inspirasi rakyat atau orang tengah di dalam pentadbiran di PBT. Justeru itu, Ahli Majlis yang dilantik di setiap PBT di Negeri Johor perlu mempunyai asas perundangan yang jelas dalam memastikan setiap perancangan dan dasar yang hendak dilaksanakan berada di landasan yang betul. Oleh yang demikian, penganjuran program *executive talk* ini merupakan satu inisiatif yang amat baik, jelas matlamatnya dan perlu disokong.

## **AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]**

8. Akta 172 merupakan akta yang sangat sinonim dengan PLANMalaysia atau secara rasminya dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, serta Pihak Berkuasa Tempatan secara amnya. Bagi mempermudah



pelaksanaan Akta 172 di peringkat negeri dan tempatan, seksyen 58 Akta 172 telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat Kaedah-kaedah berkenaan dengan apa-apa perkara dalam Akta 172 ini. Sehingga kini, dengan kerjasama pihak PLANMalaysia Ibu Pejabat dan PLANMalaysia Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah menerima pakai empat (4) Kaedah-kaedah di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] sebagaimana berikut:

- i. Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan 1984.
- ii. Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Negeri Johor) Pindaan 2014.
- iii. Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Johor 2018.
- iv. Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Negeri Johor) 2008.

## **PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN NEGERI JOHOR 2030**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

9. Dalam konteks pembangunan Johor, pendekatan bagi mencapai status **Negeri Berprestasi Tinggi (NBT)** perlu diterap pada semua elemen pembangunan, dan antara ciri-

cirinya ialah tadbir urus cekap dan berintegriti; masyarakat berilmu, berakhlak dan penyayang; institusi keluarga yang utuh; hubungan etnik yang harmoni; ekonomi mampan; agihan kekayaan yang saksama; pertumbuhan ekonomi lestari; serta kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat.

10. Dengan itu, jelas bahawa NBT mempunyai ciri-ciri asas merangkumi pemeraksanaan ekonomi yang tidak mengabaikan kelestarian alam sekitar, kesejahteraan sosial dan amalan tadbir urus terbaik yang dilengkapi dengan pembangunan modal insan progresif, berinovasi dan bestari. NBT juga perlu diterjemahkan untuk membela golongan wanita, kanak-kanak, orang tua, masyarakat miskin, anak-anak yatim, mualaf, orang kelainan upaya (OKU), pesakit kronik dan pesakit mental.

## **RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR 2030** **(RSNJ2030)**

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (RSNJ2030) mencadangkan '**Johor Kuasa Ekonomi Negara dan Serantau**' sebagai visi jangka panjang, sekali gus memandu arah tuju dan sasaran pembangunan. Selain itu, '**Johor**

**Berkemajuan dan Sejahtera disokong Pertumbuhan Saksama, Berasas Keunikan Daerah, Berarus Perdanakan Kelestarian dan Berpaksikan Kesejahteraan Rakyat'** merupakan matlamat pembangunan yang telah digarap dalam memandu hala tuju pembangunan di Negeri Johor.

12. Matlamat pembangunan Negeri Johor telah digariskan berdasarkan wawasan negara, aspirasi kerajaan negeri, visi Johor, Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 dan prinsip-prinsip perancangan Negeri Johor. Matlamat ini adalah untuk mendukung Harapan Bangsa Johor melalui sasaran yang jelas berlandaskan prestasi dan pencapaian.
13. Secara asasnya, objektif utama rancangan pembangunan Johor ini disediakan adalah untuk:
  - i. Melonjak pertumbuhan spatial dan ekonomi strategik serta lestari, bagi menuju ke arah negeri berkemajuan dan sejahtera.
  - ii. Mengangkat Johor sebagai kuasa ekonomi utama di Malaysia dan kekal berdaya saing di persada dunia, untuk memastikan kepentingan, muafakat dan suara hati rakyat sentiasa menjadi agenda utama Johor

dalam pembangunan komuniti yang bermatlamatkan kehidupan sejahtera, inklusif dan berkualiti.

- iii. Mengarus perdana kelestarian negeri melalui pemeliharaan aset semula jadi dan warisan tradisi budaya Johor yang tidak ternilai serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perubahan global.
- iv. Memperkukuh pertumbuhan seiring antara daerah, berlandaskan keunikan setempat, bagi mendukung pembangunan spatial negeri lestari.

14. Di dalam penyediaan rancangan pemajuan, penglibatan awam semasa penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan diberi keutamaan sepertimana peruntukan Bahagian Tiga (III) Akta ini, di mana draf rancangan pemajuan yang disediakan akan dipamer untuk disemak oleh orang awam. Akta 172 amat menekankan aspek penyertaan awam di dalam perancanganmgannya. Hal ini membuktikan bahawa kerajaan mengutamakan rakyat untuk bersama-sama PBT merancang pembangunan di kawasannya.

## **PELAN PERTUMBUHAN STRATEGIK JOHOR**

Hadirin yang saya hormati,

15. Gagasan Makmur Johor telah digariskan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha melestari dan merencanakan pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor. Gagasan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjadikan Negeri Johor sebagai sebuah negeri yang maju dari sudut ekonomi, tetapi juga bermatlamat untuk membentuk bangsa Johor yang sejahtera, maju dan berdaya saing.
  
16. Hasrat ini diperkemas dengan tergubalnya **Pelan Pertumbuhan Strategik** oleh Kerajaan Negeri dengan menumpukan kepada Strategi Pembangunan Terancang yang mengambilkira kebitaraan setiap daerah di Negeri Johor. Hasil perancangan pelan ini dijangka akan menjadi `impetus' dalam membawa hala tuju pembangunan setiap daerah yang sudah tentu akan menjadi pemangkin kepada pembangunan bandar di Negeri Johor secara keseluruhannya.

## **PENUTUP**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

17. Penglibatan Ahli Majlis di dalam membuat keputusan berkaitan perancangan dan dasar-dasar di PBT sememangnya diperlukan dan amat besar peranannya. Oleh kerana itu, setiap daripada Ahli Majlis perlu

menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman berkaitan tugas daripada aspek perundangan supaya keputusan yang dibuat mempunyai asas yang kuat. Sekali lagi saya berterima kasih kepada PLANMalaysia kerana menganjurkan program *executive talk* pada hari ini.

18. Harapan saya agar program *executive talk* yang melibatkan perbincangan dan perkongsian pandangan serta idea dapat memberikan pengetahuan dan penjelasan tambahan kepada semua yang hadir pada hari ini. Oleh itu, saya memohon semua Ahli Majlis yang hadir dapat mengambil peluang untuk meningkatkan kefahaman berkaitan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dan peranan Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan di dalam membuat keputusan-keputusan di peringkat PBT.
  
19. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi yang mulia ini, dengan lafaz takzim **BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**, saya dengan ini merasmikan **PROGRAM EXECUTIVE TALK PERUNDANGAN PERANCANGAN (AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976, [AKTA 172]) BERSAMA AHLI MAJLIS PBT PERINGKAT NEGERI JOHOR.**

20. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan,  
PLANMalaysia**

*Nota : Mohon semakan daripada Unit Protokol, Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Pejabat SUK Johor dan Bahagian Media dan Komunikasi, Pejabat Menteri Besar  
Johor.*